



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

KENYATAAN MEDIA

**TAWARAN PERMOHONAN KEMASUKAN KE
UNIVERSITI AWAM (UA), POLITEKNIK, KOLEJ KOMUNITI (KK) DAN
INSTITUSI LATIHAN KEMAHIRAN AWAM (ILKA) SESI AKADEMIK 2023/2024
BAGI PROGRAM PENGAJIAN LEPASAN SPM**

1. Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) berperanan menyelaras kemasukan pelajar ke Universiti Awam (UA), Politeknik, Kolej Komuniti (KK) dan Institusi Latihan Kemahiran Awam (ILKA) bagi program pengajian peringkat Sijil, Asasi, Diploma dan Ijazah Sarjana Muda.
2. **Kemasukan pelajar ke institusi-institusi tersebut dibuat berasaskan prinsip meritokrasi** dengan menyusun semua calon yang layak, tanpa mengira kaum, agama, jantina, negeri, taraf hidup dan tempat tinggal mengikut markah merit tertinggi hingga terendah.
3. **Prinsip meritokrasi tersebut adalah berasaskan pencapaian akademik (90%) dan pencapaian kokurikulum (10%).**
4. Kejayaan mendapat tempat adalah bergantung kepada markah merit, memenuhi Syarat Am dan Syarat Khas program pengajian, perakuan temu duga dan/atau ujian bagi yang memerlukan syarat berkenaan, kekosongan tempat dan keutamaan pilihan.
5. Sebanyak **500** program pengajian telah ditawarkan bagi sesi kali ini dengan pecahan **143 Sijil, 47 Asasi, 309 Diploma dan 1 Ijazah Sarjana Muda**.
6. Hanya calon yang mengemukakan permohonan **UPUOnline®** di <https://upu.mohe.gov.my/> sahaja telah dipertimbangkan.
7. Jumlah permohonan **UPUOnline®** yang diterima bagi Lepas SPM adalah sebanyak **239,609** berbanding **237,161** pada sesi lepas dengan jumlah kenaikan sebanyak **2,448 (1.03%)**.
8. Sejumlah **144,911 calon telah ditawarkan tempat** bagi melanjutkan pengajian dengan **kadar kejayaan sebanyak 60.9%**.

9. Daripada jumlah tersebut, seramai **79,668 calon** telah ditawarkan di **UA** manakala seramai **65,243 calon** ditawarkan di **Politeknik, KK dan ILKA yang menawarkan program pengajian berfokuskan TVET.**
10. Seramai **61,286 calon lelaki** dan **83,625 calon perempuan** telah berjaya mendapat tawaran. Kadar kejayaan lelaki adalah **61.7%** berbanding perempuan **60.4%**.
11. **Tawaran Laluan Khas** secara keseluruhan adalah sebanyak **14,619** dengan pecahan tawaran iaitu **13,649** bagi Kategori B40, **346** Orang Kurang Upaya (OKU), **335** Atlet dan **289** Orang Asli. Selain itu, seramai **26** calon lepasan institusi di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah mendapat tawaran.
12. Calon Melayu, Anak Negeri Sabah, Anak Negeri Sarawak dan Orang Asli yang mendapat tawaran adalah seramai **130,819 (62.6%)** daripada jumlah calon yang layak iaitu **208,833**.
13. Manakala calon daripada kaum Cina yang mendapat tawaran adalah **5,477 (52.4%)** daripada jumlah yang layak iaitu **10,447** orang.
14. Bagi calon daripada kaum India dan lain-lain, bilangan calon yang mendapat tawaran adalah **8,615 (46.5%)** daripada jumlah calon yang layak iaitu **18,525**.
15. **Terdapat juga calon yang tidak mendapat tawaran kerana tidak memenuhi Syarat Am dan/atau Syarat Khas program pengajian, tiada kekosongan tempat terutamanya untuk program kompetitif, gagal dalam saringan temu duga/ujian bagi program pengajian yang menetapkan syarat demikian, atau kedudukan merit rendah.**
16. Terdapat seramai **164,028** daripada **403,637** calon yang menduduki SPM 2022 tidak memohon **UPUOnline®** atas beberapa faktor seperti telah mendapat tawaran menyambung pelajaran ke Kolej Matrikulasi BMKPM, IPGM, Tingkatan 6, Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) dan luar negara atau mendapat tawaran biasiswa daripada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan sebagainya.
17. Pihak Kementerian mengucapkan tahniah kepada semua calon yang berjaya dan semoga peluang menyambung pengajian di peringkat pendidikan tinggi digunakan sebaiknya.

18. **Kementerian kini telah membuka saluran peluang kedua melalui proses rayuan di UPUOnline® dalam tempoh 10 hari sahaja mulai 07 Julai 2023, jam 12.00 tengah hari hingga 16 Julai 2023, jam 5.00 petang.**

**JABATAN PENDIDIKAN TINGGI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
7 JULAI 2023**